


# Peranan Institusi Fatwa Membentuk Peradaban Islam

**D**unia kini berada dalam era globalisasi yang penuh dengan cabaran. Setiap hari, timbul isu dan permasalahan baharu yang memerlukan penyelesaian, terutamanya dalam urusan kehidupan umat Islam. Permasalahan dalam hal akidah dan syariah sentiasa wujud dan tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan umat Islam secara keseluruhannya. Sebahagian daripada permasalahan tersebut mudah untuk diselesaikan, namun sebaliknya ada yang menuntut jawapan yang bersifat ilmiah agar dapat diterima oleh segenap masyarakat, khususnya umat Islam.

Menurut *Kamus Dewan Perdana*, peradaban membawa maksud keadaan atau tingkat kehidupan yang maju dari segi fizikal, mental dan rohani; tamadun, dan juga hal yang berkaitan dengan akhlak dan tingkah laku serta tutur kata yang baik dan sopan. Maksud ini jelas menunjukkan bahawa sesuatu peradaban yang tertegak haruslah seimbang dari sudut fizikal dan juga spiritual, bukan hanya difokuskan pada suatu sudut sahaja.

Namun demikian, hal sebaliknya yang berlaku dalam realiti mutakhir ini ialah pembangunan kebendaan (fizikal) yang diagung-agungkan dan dikejar, tetapi pembangunan kerohanian (spiritual) dalam diri manusia diketepikan. Perkara ini terjadi kerana manusia dipengaruhi oleh pandangan alam



(world view) yang mendasari sesebuah peradaban, sama ada pandangan alam yang berpaksikan agama mahupun yang menjadikan animisme, komunisme, humanisme, hedonisme, sekularisme dan sebagainya sebagai dasar bagi membina sesuatu peradaban. Sekularisme yang memisahkan agama dalam urusan kehidupan seharian yang menjadi pegangan masyarakat di Barat telah melahirkan masyarakat yang kelihatan berperadaban secara zahirnya, tetapi pada hakikatnya mereka jauh daripada maksud peradaban yang sebenar.

Pembangunan peradaban berteraskan Islam merupakan satu-satunya jalan penyelesaian bagi permasalahan ini. Dasar Islam yang syumul, yang menjadi teras pandangan alam menjadikan wahyu yang agung sebagai rujukan utama di samping tidak mengetepikan peranan akal yang sihat. Maka itu, di sinilah letaknya peranan al-Quran dan

sunah Rasulullah SAW sebagai tunjang utama bagi menghadapi cabaran yang mendatang.

Firman Allah SWT yang bermaksud, “Wahai orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan juga kepada orang yang berkuasa (uli al-amri) dalam kalangan kamu. Kemudian jika kamu berbantah-bantah (berselisihan) dalam sesuatu perkara, maka hendaklah kamu mengembalikannya kepada (kitab) Allah (al-Quran) dan (sunah) rasul-Nya, jika kamu benar-benar beriman kepada Allah dan hari akhirat. Yang demikian lebih baik (bagi kamu), dan lebih elok pula kesudahannya.” (Surah al-Nisa’ 4:59). Oleh itu, tidak syak lagi bahawa kedua-duanya, iaitu al-Quran dan sunah Rasulullah SAW tidak boleh dipisahkan dan menjadi penyelesai dalam segala permasalahan, termasuklah dalam urusan pembangunan peradaban.

Di samping itu, para ulama turut bersepakat menjadikan ijmak dan qias sebagai sumber

Pembentukan peradaban Islam pada zaman moden ini seharusnya tidak mengetepikan peranan agama dalam setiap sudut pandang kehidupan. Istilah tersebut juga jelas menggambarkan penyatuan kalimah peradaban dan Islam yang menunjukkan bahawa agama berperanan besar di dalamnya.

rujukan dalam perundangan Islam. Ijmak ialah kesepakatan pendapat para mujtahid atau persetujuan pendapat ulama fiqh pada abad tertentu tentang hukum syarak selepas kewafatan Rasulullah SAW. Qias pula bermaksud menghubungkan perkara yang tiada nas dalam al-Quran atau

hadis serta ijmak kerana persamaan kedua-duanya pada *illah* hukum.

Contoh persoalan semasa berkenaan dengan qias ialah hukum pengharaman penyalahgunaan dadah yang diqiaskan kepada pengharaman arak atas dasar memabukkan dan menghilangkan kewarasan akal. Terdapat juga sumber



perundangan Islam yang tidak disepakati yang dikenali sebagai dalil *zanni*, iaitu *al-istihsan*, *al-masalih al-mursalah*, *al-'uruf*, *al-istishab* dan sebagainya.

Melalui sumber rujukan dalam perundangan Islam inilah, para ulama menjelaskan segala permasalahan hukum syarak yang berlaku dalam masyarakat.

Secara umum, institusi fatwa diterajui oleh seseorang yang alim dan berkepakaran dalam ilmu Islam yang digelar sebagai mufti. Institusi ini berperanan besar dalam tugas mengeluarkan fatwa kepada masyarakat awam. Fatwa pula bermaksud penjelasan hukum syarak bagi sesuatu masalah agama berdasarkan dalil syarak oleh mufti sebagai jawapan kepada orang yang bertanya (mustafti), sama ada secara bersendirian ataupun berkumpulan. Pada zaman Rasulullah SAW, Allah SWT telah memerintahkan Baginda untuk memberikan fatwa kepada orang yang bertanya kepadanya. Seterusnya, selepas kewafatan Baginda, tanggungjawab ini digalas oleh para sahabat, dan seterusnya oleh para ulama selepas mereka.

Pengeluaran fatwa sangat berkaitan rapat dengan konsep ijtihad. Di sinilah letaknya peranan akal yang sihat dalam hal menyelesaikan permasalahan yang timbul yang tidak terdapat dalam al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Semasa Rasulullah SAW mengutus Mu'az bin Jabal ke Yaman, Baginda terlebih dahulu bertanyakan beberapa soalan sebagaimana sabdanya yang bermaksud, "Bagaimanakah engkau akan menghukum?" Mu'az menjawab: 'Aku akan menghukum dengan kitab Allah.' Baginda menyoal lagi: 'Sekiranya tidak ada dalam kitab Allah?' Mu'az menjawab: 'Dengan sunah Rasulullah SAW.' Baginda menyoal lagi: 'Sekiranya tidak ada dalam sunah Rasulullah SAW?' Mu'az menjawab: 'Aku akan berijtihad dengan pendapatku.' Baginda bersabda: 'Segala puji bagi Allah yang telah memberikan taufik kepada utusan Rasulullah SAW.'" (Hadis riwayat al-Tirmidzi).

Fatwa tidaklah bersifat mengikat, tetapi sebagai penjelasan hukum bagi sesuatu permasalahan agama yang berlaku dalam masyarakat. Oleh sebab seseorang mufti diberi mandat yang besar untuk menjelaskan hukum syarak kepada umat Islam, maka seharusnya seseorang mufti memenuhi syarat yang melayakkannya untuk berfatwa. Menurut Imam Ahmad bin Hamdan al-Harrani, syarat yang perlu ada pada seseorang mufti ialah seorang Muslim, mukalaf (berakal, baligh dan bebas daripada larangan syarak),



adil (jujur dan menjaga maruah diri), mujtahid (orang yang layak untuk mengeluarkan hukum agama), seseorang yang sedar dan sihat akal fikiran, pakar dalam fiqah dan perkara yang berkaitan dengannya.

Ibn Khaldun dalam kitabnya, *Muqaddimah* turut menjelaskan bahawa khalifah haruslah menguji terlebih dahulu para ulama dan menyerahkan tugas dan tanggungjawab sebagai mufti hanya kepada orang yang layak untuk memikul tugas tersebut. Khalifah juga berkuasa untuk menyekat seseorang yang tidak berkebolehan daripada berperanan sebagai mufti agar tidak menyesatkan umat Islam.

Dalam proses mengeluarkan fatwa, mufti tidak bertindak secara bersendirian. Konsep yang diamalkan ini adalah berdasarkan konsep fatwa *jama'iyah* (secara kolektif) yang bertujuan untuk memastikan fatwa yang diputuskan lebih tepat dan bersesuaian dengan umat Islam. Fatwa *jama'iyah* merupakan perbincangan secara terbuka yang melibatkan pakar dalam bidang yang berlainan dalam pelbagai disiplin ilmu. Amalan ini telah mula dilaksanakan oleh para sahabat dengan mengadakan syura bersama-sama para cendekiawan sekiranya terdapat kemusykilan dalam hal agama dengan menjadikan Masjid Nabawi sebagai tempat perbincangan mereka.

Secara umumnya di Malaysia, fatwa terbahagi kepada tiga kategori, iaitu fatwa yang diwartakan, fatwa yang tidak diwartakan dan pandangan peribadi mufti. Sesuatu fatwa yang diwartakan melalui warta kerajaan negeri menjadi undang-undang dan bersifat mengikat semua orang Islam dalam negeri yang mewartakannya. Dengan kata lain, semua umat Islam dalam negeri tersebut perlu patuh dan menuruti fatwa tersebut, dan tindakan boleh diambil terhadap sesiapa yang mengingkarinya. Fatwa yang tidak diwartakan merupakan jawapan atau rujukan peribadi kepada individu yang memohon penjelasan sesuatu persoalan. Fatwa kategori ini tidak mengikat mana-mana orang Islam. Pandangan peribadi mufti pula merupakan pandangan yang dikeluarkan tanpa melalui proses rasmi penetapan fatwa. Pada kebiasaannya, pandangan mufti dikeluarkan secara tidak formal sama ada melalui temu bual media, ceramah ataupun pertanyaan umum masyarakat.

Pembentukan peradaban Islam pada zaman moden ini seharusnya tidak mengetepikan peranan agama dalam setiap sudut pandang kehidupan. Istilah tersebut juga jelas menggambarkan penyatuan kalimah

peradaban dan Islam yang menunjukkan bahawa agama berperanan besar di dalamnya. Daripada sekecil-kecil perkara seperti kehidupan berkeluarga, hubungan kemasyarakatan dan pentadbiran negara, akidah yang benar, ibadat, muamalat, munakahat, makanan dan minuman, hiburan dan perubatan wajib berpegang pada dua sumber utama, iaitu al-Quran dan sunah Rasulullah SAW. Sekiranya tiada hukum yang berkaitan daripada kedua-duanya, maka di sinilah mufti perlu memainkan peranannya untuk menyelesaikan permasalahan tersebut.

Antara permasalahan dengan isu baharu yang timbul pada zaman moden ini yang memerlukan mufti untuk memainkan peranan mereka termasuklah zakat gaji, pernian beradas, pemindahan darah, wang faedah bank, pemindahan organ, amalan menghisap rokok, vaksin COVID-19 dan penggunaan plasma darah dalam makanan atau minuman. Sebagai contoh, penggunaan plasma darah dalam makanan atau minuman haram menurut fatwa yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Selangor pada 1 September 2022. Hal ini hanyalah sebahagian daripada usaha pihak institusi fatwa dalam usaha memberikan penjelasan hukum syarak kepada umat Islam. Masih banyak lagi fatwa yang telah dikeluarkan yang boleh dirujuk di laman sesawang jabatan mufti negeri di seluruh Malaysia sebagai panduan bagi umat Islam untuk membina peradaban yang unggul.

Kesimpulannya, pembangunan peradaban yang berteraskan Islam untuk menghadapi dunia yang serba moden ini sangat diperlukan walaupun penuh dengan cabaran. Kepesatan sains dan teknologi di samping isu dan permasalahan baharu yang timbul menuntut kepada penyelesaiannya. Di sinilah tugas para mufti memainkan peranan mereka untuk mengeluarkan fatwa sebagai rujukan bagi umat Islam.

Penyelidikan secara mendalam dan menyeluruh dalam sesuatu permasalahan yang timbul perlu dijalankan secara berterusan secara rentas bidang dengan melibatkan pakar daripada pelbagai bidang seperti perubatan, farmasi dan bioteknologi. Usaha ini diharap dapat digembleng secara bersama agar peradaban berteraskan Islam yang menjunjung tinggi syariat menjadi unggul pada mata dunia. Di samping itu, sudah semestinya peradaban yang dibina akan memperoleh keredaan Allah SWT, Pentadbir sekalian alam. 🌟